

Sekolah Pengajian Seni UMS

anjur Bengkel Kamera HD

31/3/2011 DB BT

KOTA KINABALU: Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan Bengkel Kamera HD (BKHD) pada 8-10 April 2011 di Sekolah Pengajian Seni, UMS.

Bengkel itu bertujuan meningkatkan pengetahuan teori dan amali pengendalian kamera HD serta mengetahui dan memahami teknik-teknik pengendalian dari sudut subjektif dan objektif. Selain itu, bengkel ini juga memberi peluang kepada para peserta memahami aspek-aspek penggambaran, pencahayaan, penata bunyi dan pasca produksi.

Menurut pengarah BKHD, Salahuddin Husain, melalui penganjuran bengkel sebegini, Sabah secara amnya dapat melahirkan tenaga mahir terutamanya dari segi teknikal dalam bidang pengendalian dan penggunaan kamera HD.

"Tujuan kita menganjurkan bengkel ini adalah untuk membantu industri profileman di Sabah agar setanding dengan negeri-negeri lain.

"Sabah amat memerlukan tenaga mahir dalam bidang teknikal kerana tenaga mahir dalam bidang ini amat kurang. Maka peluang melalui panganjuran bengkel ini tidak harus disia-siakan oleh belia dan anak muda yang berminat menceburi bidang ini," kata Salahuddin.

Sekolah Pengajian Seni UMS mempelawa orang ramai yang berminat untuk menyertai bengkel selama tiga hari ini. Mereka yang berminat boleh menghubungi Nurhayati di talian 012-6829561 atau Hasyir di talian 017-718 1457.